

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

CSD402 - Sistem Maklumat Lanjutan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 4 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SOALAN 1 dan TIGA soalan lain daripada soalan 2, 3, 4 dan 5.

Semua soalan mestilah dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Terangkan secara ringkas tentang Grid Strategik sistem maklumat. Bincangkan tentang penggunaannya dan kelemahan teknik ini jika dibandingkan dengan teknik-teknik lain.

(30/100)

- (b) Berikan keterangan ringkas tentang hubungan setiap sebutan berikut :

(i) MIS dan IRM

(ii) MIS dan ISP

(iii) MIS dan IR

(iv) MIS dan DSS

(25/100)

- (c) Nyatakan perbezaan-perbezaan diantara "pendekatan sistem" dengan "pendekatan klasikal" di dalam fungsi pengurusan sesebuah organisasi.

(25/100)

- (d) Apakah kesan perkembangan bidang MIS terhadap dunia perniagaan pada zaman ini?

(20/100)

...2/-

2. (a) Berikan suatu penerangan tentang virus komputer, iaitu dari segi takrifannya, implikasinya terhadap sistem komputer dan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil untuk menyekat serangan virus ini ke atas sistem-sistem komputer.

(30/100)

- (b) Anda telah dipertugaskan untuk menjalankan ISP di USM. Tujuan kajian ini ialah untuk menyediakan satu pelan induk Sistem Maklumat untuk jangkamasa 3 tahun dan juga untuk meneliti tentang kemungkinan menyah-pusatkan beberapa operasi Pusat Komputer. Apakah bentuk-bentuk output yang harus dihasilkan selepas menamatkan kajian ISP ini? Terangkan secara ringkas.

(30/100)

- (c) Kenapakah organisasi-organisasi pada hari ini perlu mengamalkan konsep IRM?

(20/100)

- (d) Apakah cabaran-cabaran atau masalah-masalah yang dihadapi didalam membangunkan sebuah Sistem IR?

ATAU

Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Sistem Pemprosesan Pertanyaan dan bagaimanakah caranya untuk mengatasinya.

(20/100)

3. (a) Apakah peranan yang perlu dimainkan oleh pihak pengurus atasan di dalam Pengurusan Teknologi Maklumat di organisasi beliau? Terangkan tentang langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk mendapatkan komitmen daripada golongan ini didalam Pengurusan Teknologi Maklumat.

(25/100)

...3/-

- (b) Perancangan jangka panjang untuk Jabatan MIS tidak perlu dijalankan kerana teknologi maklumat berkembang terlalu pesatnya. Bincangkan.

(25/100)

- (c) Senaraikan subsistem-subsistem utama yang terdapat di dalam sebuah Sistem Maklumat Pemasaran ATAU Sistem Maklumat Perakaunan dan terangkan dengan ringkas fungsi setiap subsistem ini.

(35/100)

- (d) Apakah faktor-faktor yang boleh digunakan untuk menilai sebuah Sistem IR? Terangkan bagaimana ianya mempengaruhi prestasi sesebuah Sistem IR?

(15/100)

4. (a) Nyatakan faktor-faktor utama yang harus diambil kira didalam menyediakan suatu perancangan menghadapi bencana.

(30/100)

- (b) Terdapat Sistem-sistem Maklumat yang dibangunkan tidak digunakan oleh pengurus-pengurus fungsi. Kenapa? Apakah yang harus dilakukan untuk mengatasi masalah ini?

(20/100)

- (c) Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengurus-pengurus Teknologi Maklumat didalam menguruskan fungsi ini pada hari ini?

(25/100)

- (d) Apakah yang dimaksudkan dengan "perancangan muatan"? Bagaimanakah ianya membantu pihak pengurusan?

(25/100)

...4/-

5. (a) Kos hardwer telah turun dengan kadar yang banyak, tetapi kenapakah kos perbelanjaan penggunaan komputer di organisasi-organisasi semakin meningkat. Dimanakah silapnya dan terangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi keadaan ini.

(30/100)

- (b) Apakah yang harus dilakukan untuk mengelakkan daripada wujudnya "pulau-pulau automasi didalam sesebuah organisasi?

(20/100)

- (c) Bank Minden ingin membeli sebuah komputer baru yang akan digunakan untuk menyokong rangkaian perkhidmatan ATM (Mesin Juruwang Automatik). Anda telah dilantik oleh pihak pengurusan Bank Minden untuk menjalankan tugas ini. Terangkan bagaimana anda akan menjalankan tugas ini sehinggalah pesanan dibuat. Nyatakan faktor-faktor yang harus ditekankan didalam membuat pilihan.

(35/100)

- (d) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penempatan hardwer komputer samada dipusatkan atau dinyahpusatkan?

(15/100)